



## **Siaran Akhbar**

### **JOM KUNJUNGI KEMBARA DIGITAL MALAYSIA 2019**

- **Kunjungi gerai MCMC di Bulatan Sultan Azlan Shah, Ipoh pada hujung minggu ini**
- **Kenali dengan lebih lanjut inisiatif-inisiatif digital MCMC di Kembara Digital Malaysia 2019**

**CYBERJAYA, 26 Julai 2019** --- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) akan mempamerkan inisiatif-inisiatif digital di bawah seliaannya seperti Klik Dengan Bijak (KDB), TV Digital, Sukarelawan ICT Malaysia (MIV), Digital Lifestyle Malaysia (DLM), Pusat Internet Malaysia (PIM), *Mobile e-Waste* dan *Check Your Label* pada program Kembara Digital Malaysia (KDM) anjuran Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) yang akan berlangsung selama dua (2) hari bermula esok (Sabtu, 27 Julai 2019) di Ipoh, Perak.

Orang ramai diminta untuk mengambil bahagian dan memanfaatkan peluang ini untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai inisiatif-inisiatif digital ini yang mampu mempengaruhi kualiti hidup mereka pada masa akan datang.

Sebagai contoh, para pengunjung akan mendapat tip-tip penting berhubung penggunaan Internet secara berhemah berpandukan kepada tiga teras utama iaitu Keselamatan, Waspada dan Tanggungjawab. Inisiatif PIM pula memperkasakan taraf hidup rakyat menerusi perkhidmatan jalur lebar. *Inisiatif Check Your Label* akan memberi kesedaran kepada orang ramai terhadap pentingnya menggunakan kelengkapan komunikasi yang diperakui.

Di samping itu, pameran mengenai perkhidmatan siaran TV Digital myFreeview memberi kesempatan kepada pengunjung mendapatkan gambaran dan pengalaman lebih mendalam berhubung kewujudan perkhidmatan siaran TV digital yang disediakan secara percuma kepada Rakyat tanpa sebarang yuran bulanan. Perkhidmatan siaran TV Digital ini menjanjikan kualiti siaran dan audio yang lebih baik, penambahan kandungan dan saluran TV seperti saluran Sukan RTM HD, radio serta aplikasi baharu yang akan disediakan dalam jangka panjang.

Matlamat MCMC adalah untuk mewujudkan kesedaran dan mendidik rakyat supaya menjadi celik digital agar tidak ketinggalan dalam arus pendigitalan negara.

Kunjungi kami di gerai MCMC di Bulatan Sultan Azlan Shah, Ipoh pada hujung minggu ini.

---

### **Mengenai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)**

MCMC adalah sebuah badan berkanun ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 (ASKMM) yang melaksana dan mempromosikan matlamat dasar kebangsaan Malaysia bagi sektor komunikasi dan multimedia. MCMC mengawalselia dan menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia yang merangkumi bidang telekomunikasi, penyiaran, dan juga aktiviti dalam talian, perkhidmatan pos dan pensijilan digital. Akta Komunikasi dan Multimedia mengadakan peruntukan kepada MCMC peranan melaksanakan dasar, manakala dasar membuat keputusan adalah diperuntukkan kepada Menteri.

Untuk maklumat lanjut, layari [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my) dan untuk penjelasan lanjut, sila hubungi:

Kamalavacini Ramanathan  
Pengarah, Jabatan Komunikasi Korporat

Markus Lim Han King  
Timbalan Pengarah, Jabatan Komunikasi Korporat

Tel: +603 8688 8000   Faks: +603 8688 1000   E-mel: [scd@mcmc.gov.my](mailto:scd@mcmc.gov.my)

**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia** | Malaysian Communications and Multimedia Commission

MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA

T: +60 3 86 88 80 00 | F: +60 3 86 88 10 00 | E: [scd@mcmc.gov.my](mailto:scd@mcmc.gov.my) | W: [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)



Suruhanjaya Komunikasi  
Dan Multimedia Malaysia



SKMM\_MCMC



SKMM\_MCMC



MCMCTV